

21 MAY 1999

Mahathir-Pembangkang

PEMBANGKANG SUKA BERSANGKA BURUK TERHADAP KERAJAAN

KOTA TINGGI, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas parti pembangkang kerana suka bersangka buruk terhadap kerajaan sehingga setiap langkah yang diambil dianggap bermotif politik.

Perdana Menteri, dalam nada kecewa, berkata: "Tidak ada langsung fikiran yang baik (pihak-pihak pembangkang). Semuanya fikiran yang tidak baik."

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tuduhan pembangkang kononnya langkah kerajaan menaikkan gaji 120,000 orang guru "DG6", baru-baru ini, sebagai satu gimik politik menjelang pilihan raya umum.

"Sebenarnya, keputusan itu sudah lama dibuat. Kita baru melaksanakannya sekarang," katanya pada persidangan media selepas menghadiri Majlis Bersama Rakyat di Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Pengeli Timur, dekat sini.

Dr Mahathir juga berkata langkah Umno membuat aduan polis berhubung fitnah yang sering dilemparkan terhadap pemimpin Umno dan kerajaan bukan bertujuan untuk menyekat suara pembangkang.

Katanya, Umno terpaksa mengambil tindakan sedemikian kerana pihak pembangkang suka melemparkan fitnah.

"Kita perlu dedahkan fitnah mereka dan cara terbaik ialah dengan membuat laporan polis."

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata sekiranya pembangkang tidak membuat fitnah-fitnah berkenaan, mereka boleh membuktikan sebaliknya tetapi Umno mempunyai rakaman mengenai fitnah yang dibuat.

Ditanya mengenai kemungkinan parti pembangkang menjadikan rombakan kecil kabinet yang diumumkan semalam, sebagai isu politik, Perdana Menteri berkata parti pembangkang memang cenderung untuk menjadikan apa sahaja sebagai isu politik.

"Kalau tidak ada apa-apa pun dia boleh menjadikannya sebagai isu," tegasnya.

Katanya, pemergiannya ke Mekkah untuk menunaikan haji turut dijadikan isu politik oleh parti pembangkang.

"Saya sakit dia kata saya mati. Saya buat haji dia kata saya tidak sampai, kononnya saya pitam di depan Kaabah," kata Perdana Menteri.

Ditanya tentang kemungkinan beliau akan membuat beberapa lagi perubahan kecil terutama membabitkan beberapa Menteri Besar, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada... itulah sahaja sehingga pilihan raya."

Ditanya sama ada terdapat muslihat di sebalik rombakan yang diumumkan semalam yang membabitkan pengguguran Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Sabbaruddin Chik dan Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, beliau secara berseloroh berkata: "Kalau ada muslihat takkan I nak cerita dengan you."

Bagaimanapun, dengan nada yang serius Dr Mahathir berkata tidak ada apa-apa muslihat.

"Kita bersikap terbuka. Apabila kita perlu buat sedikit pertukaran, kita buat," katanya,

Beliau berkata rombakan itu bukanlah kerana mereka yang terbabit tidak cekap tetapi pada masa tertentu beliau perlu membuat beberapa perubahan.

Menyentuh mengenai pertemuannya dengan Presiden Indonesia B.J.Habibie di Pulau Batam semalam, beliau berkata pertemuan itu memberi kesempatan kepadanya untuk membuat penjelasan mengenai beberapa perkara yang tidak boleh dijelaskan secara terbuka.

Dr Mahathir berkata perbincangan itu menyentuh sedikit tentang masalah

pendatang tanpa izin Indonesia ke Malaysia tetapi masalah itu boleh diatasi oleh kedua-dua pihak.

-- BERNAMA  
ZKS MKO NMO